

26/06/2003

Pelajar UiTM mahu tawan Gunung Everest

Norhafzan Jaafar; Juliawati Adam

SHAH ALAM: Dua penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) menyahut cabaran

mendaki Gunung Everest tahun depan sekali gus bakal mencipta sejarah negara sebagai pelajar dan anak Melayu pertama menawan gunung tertinggi di dunia itu.

Muhamad Muqharabbin Mokhtarrudin, 21, dan Ahmad Reduan Rozali, 21, masing-masing penuntut tahun akhir Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi dan Fakulti Sains Gunaan akan diiringi 10 peserta lain dalam Ekspedisi Demi UiTM Ke Everest 2004 itu.

Ekspedisi itu akan diketuai Pegawai Belia dan Sukan UiTM, yang juga bekas pendaki Gunung Everest 1997, Muhamad Fauzan Hassan dan turut disertai pegawai perubatan, jurugambar, dan krew bantuan.

Muhamad Muqharabbin sebelum ini turut mencatat sejarah apabila berjaya menawan empat gunung termasuk Puncak Burgi di Banjaran Karakoram di Pakistan dan Puncak Gunung Kala Pattar di Banjaran Himalaya di Nepal dalam Ekspedisi Solo Empat Puncak Bersama Satu Misi UiTM 2003.

Dua gunung lain yang berjaya didaki dalam masa 45 hari itu termasuk Puncak Thorung La Pass dan Puncak Gunung Gokyo Ri, kedua-duanya di Pakistan.

Dalam ekspedisi itu, beliau bersama lapan pendaki lain turut membawa bersama Jalur Gemilang sebesar 100x60 meter dan logo UiTM sebesar 50x50 meter yang berjaya dikibarkan di Gunung Kala Pattar 14 Mei lalu.

Muhamad Muqharabbin yang ditemui selepas majlis meraikan kejayaan Ekspedisi Solo Empat Puncak Bersama Satu Misi UiTM 2003, di UiTM, semalam,

berkata pendakian tahun depan dijangka bermula antara Mac hingga Jun kerana ia dikatakan tempoh yang paling sesuai.

"Kami tidak mempunyai tempoh yang tetap kerana ia bergantung kepada keadaan cuaca. Kebiasaannya ia akan mengambil masa sebulan bermula dari Base Camp yang ketinggiannya mencecah sehingga 5000 meter," katanya yang mendapat pelepasan cuti selama dua semester untuk ekspedisi itu.

Bagi memastikan tahap kecergasan dan ketahanan mental sebelum mendaki, peserta akan menjalani latihan pendakian di gunung tempatan sebelum mengadakan latihan di Gunung Aspiring, New Zealand bermula 29 Julai hingga 15 Ogos ini.

Sementara itu, Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah berkata, pendakian itu bertujuan menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melihat lebih ramai generasi muda membabitkan diri dalam aktiviti lasak dan mencabar.

Beliau berkata, melalui ekspedisi itu juga pelajar UiTM boleh menjadi contoh kepada institusi pengajian tinggi lain di negara ini dan juga masyarakat tempatan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohd Khalid Yunus yang turut menyampaikan sijil pendakian daripada

Kementerian Pelancongan Nepal kepada Muhamad Muqharabbin sempena kejayaan beliau.